



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SULAIMAN BIN MAT IDRIS, ENCIK
PET BIN BUNTAL, ENCIK KHAIRULLAH BIN HJ DAUD, ENCIK RAMLI BIN ARIFFIN
DAN PUAN KURSIAH BINTI MOHAMAD DIAH MENGENAI SEJARAH JEMENTAH
DAN KEUNIKAN YANG TERDAPAT DI JEMENTAH**

OLEH

FARAH NABILAH BINTI ZULKARNAIN	2012355401
NAR FAZIANA BINTI MAT NOR	2012357557
NUR SUHAILY BINTI MUHAMAD	2012308033
NUR UMAIRAH BINTI ABD RAHMAN	2012131451

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SEGAMAT, JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

SEMESTER 5 – (MAC 2014 – JULAI 2014)

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak berbelah bahagi kehadiran Illahi kerana dengan izin, limpah kurnia serta rahmantNya kami dapat menyelesaikan tugas wawancara yang di amanahkan di mana kami telah terpanggil untuk menemu bual individu - individu yang telah banyak memainkan peranan mereka dalam mengekalkan sejarah Jementah dan sekaligus menaikkan ekonomi Kampung Paya Jakas. Mereka yang terlibat dalam tugas kami ialah Encik Sulaiman bin Mat Idris, Encik Pet bin Buntal, Encik Khairullah bin Hj Daud, Encik Ramli bin Ariffin dan Puan Kursiah binti Mohammad Diah

Pelbagai pihak telah turut serta menghulurkan tangan serta memainkan peranan mereka di dalam membantu kami bagi melancarkan tugas yang telah diamanahkan ini. Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami, Encik Mohd Zul-Azmi bin Ishak di atas kehadiran diri beliau yang banyak meluangkan masa memberi pertolongan dan tunjuk ajar serta panduan yang bermanfaat telah dicurahkan kepada kami bagi memastikan tugas kami memenuhi kehendak projek kursus. Beliau adalah tenaga pengajar iaitu pensyarah bagi kod kursus IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan yang memainkan peranan membantu kami. Tanpa pengawasan dan bimbingan dari pihak beliau, kami pasti berhadapan dengan pelbagai masalah dan tentu begitu sukar bagi kami menyiapkan tugas ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak yang telah di temu ramah, Encik Sulaiman bin Mat Idris, Encik Pet bin Buntal, Encik Khairullah bin Hj Daud, Encik Ramli bin Ariffin dan Puan Kursiah binti Mohammad Diah kerana di atas kesudian beliau meluangkan masa dan memberi kerjasama kepada pihak kami. Kerjasama dan komitmen yang begitu jitu yang telah di hulurkan oleh individu-individu yang telah memberi impak yang positif di mana memudahkan pihak kami mendapatkan maklumat yang di perlukan.

Sekalung penghargaan juga dari kami buat rakan-rakan seperjuangan, keluarga tercinta serta mana-mana pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam memberi sokongan serta galakan yang tiada tolok bandingnya kepada kami.

Sekian, terima kasih.

Temubual bersama Encik Sulaiman bin Mat Idris, Encik Pet bin Buntal, Encik Khairullah bin Hj Daud, Encik Ramli bin Ariffin dan Puan Kursiah binti Mohammad Diah mengenai sejarah Jementah dan keunikan yang terdapat di Jementah.

Abstrak:

Susur galur sejarah Jementah, di mana bagaimana Jementah mendapat nama dan terdapat beberapa peristiwa yang menarik yang boleh dijadikan sebagai bahan sejarah yang perlu dilindungi dan dipelihara. Sebagai contoh Peperangan Saudara Jementah, Penjajahan Jepun dan Komunis datang ke Jementah. Selain itu, terdapat juga keunikan di Kampung Paya Jakas, Jementah seperti terdapat Mini Muzium yang dimiliki oleh Encik Pet Bin Buntal. Selain itu, Encik Khairullah Bin Hj. Daud berkongsi maklumat mengenai populasi Kampung Paya Jakas, aktiviti yang diadakan untuk penduduk Kampung Paya Jakas serta bagaimana beliau menangani masalah jenayah di kampung beliau. Manakala Encik Ramli Bin Ariffin menceritakan keunikan pembuatan parang dan Puan Kursiah Binti Mohammad Diah menceritakan keunikan dalam bidang IKS yang beliau ceburi seperti katering dan kanopi serta pembuatan kuih raya.

Kata kunci: Peperangan, keunikan Kampung Paya Jakas, Jementah

ISI KANDUNGAN

Penghargaan

Abstrak

Pengenalan..... 1-9

Transkrip..... 10-97

Log wawancara..... 98-110

Biodata individu..... 111-115

Senarai soalan wawancara..... 116-123

Senarai rujukan..... 124

Lampiran..... 125-129

Indeks 130-133

PENGENALAN

Asal-usul nama Jementah

Jementah adalah sebuah bandar yang terletak sekitar 21 km di sebelah barat Bandar Segamat, Johor, Malaysia. Bandar ini merupakan bandar terbesar ketiga di Negeri Johor setelah Bandar Segamat dan Labis. Menurut sejarah, pada tanggal 25 Oktober 1879 M. Di Bandar Jementah ini pernah terjadi perang saudara yang dikenal dengan Perang Jementah. Perang ini merupakan perang saudara pertama yang pernah terjadi di Negeri Johor.

Selain peristiwa bersejarah tersebut, di Bandar Jementah ini juga pernah terjadi peristiwa ajaib. Menurut cerita, Bandar Jementah pada awalnya merupakan kawasan hutan yang dipenuhi pepohonan, khususnya pohon dedap. Oleh masyarakat di sekitarnya, kawasan hutan itu kemudian diberi nama Jementah. Apa sebenarnya yang terjadi di kawasan hutan itu, sehingga mereka memberinya nama Jementah?

Alkisah, di wilayah Bandar Segamat, Johor, Malaysia, terdapat sebuah kawasan yang dipenuhi oleh hutan lebat dan semak belukar. Menurut kepercayaan masyarakat di sekitarnya, kawasan hutan itu menyimpan banyak emas. Akan tetapi, mereka belum mengetahui di mana emas-emas itu berada. Ada yang mengatakan, emas-emas itu bertebaran di antara pepohonan. Ada pula yang mengatakan, emas-emas itu berada di dalam tanah. Oleh kerana terjadi perbezaan pendapat, mereka pun melakukan musyawarah, dan akhirnya memutuskan untuk membersihkan kawasan hutan itu dengan menebangi pepohonan dan semak belukar.

Dengan membawa bekal makanan dan peralatan secukupnya, mereka pun beramai-ramai ke hutan itu untuk membersihkan hutan untuk mencari emas. Sesampainya di hutan, mereka menebangi pepohonan dan semak belukar dengan menggunakan kapak dan parang. Setelah bekerja seharian, mereka berhasil merobohkan banyak pohon. Mereka sangat gembira, karena tidak lama lagi akan menemukan emas yang mereka idam-idamkan. Menjelang malam, mereka pun berehat dan bermalam di kawasan hutan itu.

Keesokan harinya, mereka sangat terkejut ketika melihat pohon-pohon yang telah ditebang dan semak belukar yang sudah dibabat kembali seperti sedia kala, sehingga kawasan itu berubah lagi menjadi hutan lebat.